

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

12. Adakah Kerajaan Negeri akan terus menguatkuasakan larangan merokok di tempat makan?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan seperti arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Surat Arahan Untuk Melaksanakan Penguatkuasaan Tempat Makan Sebagai Kawasan Larangan Merokok yang dikeluarkan pada 13 Disember 2019, No. Rujukan KKM.600-32/4/9(89). Bagi tahun 2020, operasi penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan telah dan akan dijalankan mengikut jadual yang telah dikeluarkan oleh KKM seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Kekerapan	Tempoh
1	Penguatkuasaan Penuh	Setiap hari	1 – 14 Januari 2020
2	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali seminggu	15 – 31 Januari 2020
3	Penguatkuasaan Penuh	Sekali seminggu	1 Feb – 31 Mac 2020
4	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali sebulan	1 April – 30 Jun 2020
5	Penguatkuasaan Penuh	Dua kali sebulan	1 Julai – 31 Ogos 2020
6	Penguatkuasaan Penuh	Sekali sebulan	1 September – 31 Disember 2020

Walau bagaimanapun, operasi penguatkuasaan tidak dapat dijalankan sepenuhnya pada 1 Februari hingga 31 Mac 2020 susulan penularan wabak COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan mulai 18 Mac hingga 14 April 2020.